

09/08/2001

Ketua Umno terima penjelasan meritokrasi

KUALA LUMPUR, Rabu - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berpuas hati dengan penerimaan semua ketua Umno bahagian yang hadir pada sesi taklimat khas Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai isu meritokrasi, hari ini.

Beliau yang juga Timbalan Presiden Umno berkata, selain itu, perwakilan yang hadir mengemukakan beberapa cadangan untuk membela nasib pelajar Melayu.

"Sebenarnya, boleh dikatakan semua wakil yang datang menerima pandangan yang diberi oleh Perdana Menteri mengenai masalah yang dihadapi pelajar Melayu dan kemunduran mereka dalam bidang ini.

"Saya percaya semua berazam untuk membuat sesuatu supaya nasib pelajar Melayu dapat dibela.

"Tetapi sebagaimana kata Perdana Menteri, kita tidak boleh mewujudkan satu sistem yang membenarkan mereka yang lemah pun masih boleh kekal atau mendapat tempat untuk melanjutkan pelajaran.

"Sebab itu, cadangan dibuat supaya menaikkan sedikit kelayakan bagi semua fakulti. Jadi, apa juga kriteria yang diberikan untuk sesuatu fakulti itu, yang pentingnya ditambahkan sikit lagi (kelayakan) supaya kita harap pelajar yang akan masuk benar-benar berkualiti," katanya selepas majlis taklimat khas kepada pemimpin Umno bahagian mengenai isu meritokrasi di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, petang ini.

Lebih 1,000 pemimpin Umno bahagian menghadiri taklimat tertutup lebih dua jam itu.

Ditanya sama ada dasar meritokrasi secara berperingkat itu diambil sebagai berkompromi dengan saranan beberapa pihak khususnya Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishamuddin Tun Hussein, Abdullah berkata, tidak ada kompromi dalam hal itu.

"Hishamuddin tidak ada dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno (pada 27 Julai lalu)... jadi dia tidak tahu apa yang berlaku," katanya merujuk kepada desakan Hishammuddin supaya kerajaan mempertimbangkan semula cadangan melaksanakan dasar berkenaan.

Hishamuddin sebelum ini dilaporkan sebagai berkata, meritokrasi untuk pelajar Melayu ke institusi pengajian tinggi (IPT) perlu dikaji dengan teliti kerana sistem kuota masih diperlukan tambahan pula jurang perbezaan bagi peluang pendidikan antara pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera, masih ketara.

Sementara itu, Hishammuddin ketika ditemui selepas taklimat itu berkata, penjelasan Dr Mahathir mengenai pelaksanaan dasar itu dilihat sebagai satu kejutan yang dapat menyedarkan orang Melayu mengenai pencapaian akademik anak mereka.

(END)